

TERHAD



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2016**

**3756/3**

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**PROJEK**

**TINGKATAN 4**

**Kertas 3**

**Ogos – September 2015**

- 
1. *Kertas ini mengandungi **satu** tugas.*
  2. *Calon wajib melaksanakan tugas tersebut secara individu.*
  3. *Calon hendaklah menyempurnakan projek ini dengan merujuk kepada elemen, aspek dan kriteria yang telah ditetapkan.*
  4. *Projek ini hendaklah dilaksanakan oleh calon SPM (Tingkatan 4) dari bulan **Ogos** hingga bulan **September 2015**.*
  5. *Calon dikehendaki mematuhi Jadual Pelaksanaan Tugas Projek yang disediakan untuk memastikan tugas projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.*
  6. *Calon dinasihatkan membuat perancangan yang teliti dan melaksanakan tugas dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan dan munasabah.*

---

Kertas ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**TUGASAN PROJEK TINGKATAN 4**

Anda adalah pemilik sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan menjual salah satu barang keperluan pejabat seperti berikut:

- (a) Kedai Alatan Pejabat
- (b) Kedai Alat Tulis
- (c) Kedai Perabot
- (d) Kedai Elektrik / Elektronik

Sebagai pemilik perniagaan tersebut anda dikehendaki menyediakan satu set akaun yang lengkap berdasarkan dokumen sumber.

Anda perlu mengambil kira perkara berikut dalam penyediaan akaun anda.

## 1. Maklumat perniagaan

- (a) Jenis perniagaan : Milikan tunggal
- (b) Status perniagaan : Meneruskan perniagaan
- (c) Tempoh urus niaga : Sebulan tahun semasa

## 2. Baki perniagaan pada awal bulan

	RM
Kenderaan	50 000
Stok *	?
Penghutang *	3 050
Overdraf bank	800
Tunai	400
Modal *	?

Nota:

- (i) \*Jumlah stok, nama penghutang dan jumlah modal ditentukan oleh calon.
  - (ii) Maklumat berkaitan stok awal mesti mengandungi jenis dan kuantiti barang dan hendaklah ditunjukkan dalam kad stok.
3. Anda mempunyai seorang pekerja yang dibayar gaji sebanyak RM1 300 sebulan (Bayaran gaji dibayar pada hujung bulan).

4. Urus niaga yang terlibat mestilah disokong dengan dokumen yang lengkap berdasarkan garis panduan berikut:

Urus Niaga	Ringkasan	Bilangan Urus Niaga
(a) Catatan Permulaan	Rujuk Kunci Kira-kira	–
(b) Komponen Kos Jualan	- Belian kredit - Belian tunai - Pulangan belian - Angkutan masuk - Duti atas belian - Insurans atas belian	} 5
(c) Komponen Jualan Bersih	- Jualan kredit - Jualan tunai - Pulangan jualan	} 7
(d) Komponen Pembayaran	- Pemiutang - Belanja	} 5
(e) Komponen Penerimaan	- Penghutang - Hasil	} 4
(f) Perolehan aset bukan semasa	- Tunai - Kredit	} 1
(g) Ambilan	- Barang niaga	1
(h) Catatan kontra	- Deposit tunai (daripada penerimaan)	1
	- Pengeluaran tunai untuk kegunaan sendiri	1
Jumlah urus niaga		25

Nota:

Diskaun tunai tidak dianggap sebagai urus niaga.

5. Tugasan projek hendaklah dibuat menggunakan komputer.
6. Tugasan projek hendaklah dicetak dengan mematuhi perkara berikut:
- (a) Saiz kertas : A4
- (b) Saiz fon : 12 pt.
- (c) Jenis fon : *Times New Roman*
- (d) Dokumen perniagaan : Saiz fon, jenis fon dan jarak antara baris adalah mengikut kesesuaian.

[Lihat halaman sebelah  
**TERHAD**

7. Calon diperuntukkan 8 minggu untuk menyiapkan tugas (Ogos – September).
8. Hasil projek yang lengkap mesti dikemukakan oleh calon secara individu. Calon juga perlu mengemukakan evidens bagi projek berkenaan.
9. Setiap calon mesti mempamerkan kemahiran komunikasi sama ada dalam bentuk pembentangan projek atau interaksi sepanjang pelaksanaan tugas projek.

### **TUGASAN TAMAT**